



**SALING ENGGAN AKUI KEKALAHAN:** Paul Matthew Taylor dari Australia (kiri) melepaskan tendangan ke arah Robbie Poelstra dari Belanda dalam perlawanan mereka kelmarin. Dalam perlawanan itu Taylor menang. — Gambar BH oleh HAJI RAWI AHMAD.

## Tahniah kepada Persisi

MOHD SANI ALI  
Oleh YUSOFF RAHMAN

30 AUG 1988

HARAPAN menyaksikan se-ni pencak silat berkembang dan dipertandingkan di seluruh rantau dunia akan menjadi kenyataan tidak lama lagi.

Kehebatan Kejohanan Pencak Silat Undangan Antarabangsa anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi), dan yang berakhir malam tadi menjadi buktinya.

Meskipun bilangan peserta dari Eropah boleh dianggap sebagai kecil — hanya 16 pesilat — namun jumlah tersebut cukup melegakan.

Sekurang-kurangnya, kita di rantau ini mengetahui dan menyaksikan sendiri bahawa seni silat telah bertapak di Eropah.

Bahkan mereka bukan setakat mempelajari silat ini untuk pertahanan diri atau untuk olahraga, mereka menyelidikinya lebih dari itu.

Seperti pengakuan yang dibuat oleh Jan de Jong, guru silat dan juga Ju Jitsu dari Australia bahawa beliau juga mempelajari silat dari segi kebatinan.

"Ia bukan saja dapat me-

nguasai diri malah menjadikan seorang pesilat itu mempunyai maruah dan harga diri yang tinggi," kata de Jong, yang belajar silat di Semarang, Java Tengah.

Kehadiran para peserta Eropah, terutama dari Austria, Britain, Belanda, Yugoslavia, Jerman Barat di tambah pula oleh pesilat-pesilat Australia, Surinam, Jepun dan Amerika Syariat, ia membentarkan kenyataan harapan tersebut.

Dalam peringkat ini, Presiden Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat), Haji Eddie Marzuku Marapraya, menerangkan: "Perkembangan ini hanya dapat dilakukan jika gerakan silat mendapat sokongan dan bantuan kewangan yang penuh dari setiap badan anggota."

Pendapat itu dipersetujui oleh semua negara peserta yang hadir dalam mesyuarat Persilat, yang diadakan serentak dengan kejohanan ini.

"Kami juga tidak terlepas dari mengahapi masalah itu," kata naib presiden pertama Persisi, Haji Abdul Rahim Dayan, apabila merujuk kewangan

an persatuannya.

Begitupun, sekulung bunga harus diberikan Persisi yang memberanikan diri mengharungi segala kegetiran untuk menganjurkan kejohanan diperingkat antarabangsa ini.

Setinggi rakaman terima ka-

sih juga tidak dilupakan dicatatkan kepada Persatuan Rakyat (PA), yang banyak memberikan sokongan material sehingga kejohanan menjadi kenyataan.

PA bukan saja setakat menyediakan tempat penginapan para peserta di Pusat Kepimpinan Belia Kebangsaan, malah menyediakan bas berhawa dingin untuk peserta-peserta luar negeri sepanjang kejohanan tersebut.

Selain daripada PA, Singapore Pools menghulurkan derma \$20,000 dan Lembaga Penggalak Pelancongan Singapura (STPB), menaja majlis perpisahan.

Satu kelemahan menyerlah ialah hubungan media massa dengan pihak pengangur tidak seperti yang diharapkan.